



ARKIB : 01/08/2010

Ketahui Kaedah Buang Bulu

Hari ini saya didatangi wanita lingkungan 40-an bersama anak gadisnya yang berusia 15 tahun Nina yang mempunyai masalah bulu roma lebat di keseluruhan tubuhnya. Masalah tersebut menyebabkan dia enggan ke sekolah kerana malu dengan wajahnya yang bermisai seperti lelaki. Nina mula datang haid pada usia 12 tahun tetapi haidnya tidak teratur. Saya mendapati Nina mungkin menghadapi masalah hormon tidak stabil. Hasil pemeriksaan saya mendapati bulu roma tumbuh pada kaki, paha dan juga perut Nina. Mukanya juga turut ditumbuhi bulu roma yang banyak sehingga menyerupai misai dan janggut.

Saya merumuskan Nina menghadapi masalah polisistic ovarian cyst (PCOS). Ia merupakan masalah di mana bebola kecil iaitu cyst tumbuh pada ovari dan mengeluarkan hormon yang tidak seimbang. Keadaan itu menyebabkan kadar testosteron tinggi dan estrogen menjadi rendah sekali gus mengakibatkan bulu tumbuh dengan banyak. Saya melakukan kaedah diode laser iaitu dengan menggunakan sistem soprano. Kaedah ini mudah, cepat, tidak menyakitkan serta sesuai untuk semua jenis kulit. Ia juga amat berkesan. Dalam rawatan pertama hampir 70 peratus bulu roma dapat dihapuskan. Saya mencadangkan enam hingga 10 kali rawatan dalam jangkamasa setahun bagi mendapat hasil yang benar-benar hebat. Kelebihan sistem ini adalah ia mematikan bulu roma secara kekal, memutihkan kulit serta menjadikannya lebih tegang.

Masalah bulu di bahagian muka amat sesuai menggunakan kaedah ini. Muka bukan sahaja bebas daripada bulu malah kulit wajah menjadi bersih dan cerah. Apabila saya menggunakannya pada pesakit yang berusia 40 tahun ke atas kulit mereka menjadi lebih tegang disebabkan peningkatan mutu kolagen

dalam kulit. Setelah laser, bulu hilang dan tumbuh halus. Rawatan susulan berjaya mengatasinya sehingga tidak lagi kelihatan.

Kitar hidup rambut / bulu

Memahami kitar hidup bulu/rambut membolehkan kita memahami dengan lebih mendalam proses membuang bulu badan. Rambut menjalani tiga fasa dalam satu kitaran hidup.

Fasa pertama, Anagen iaitu peringkat aktif pertumbuhan rambut. Pada fasa ini rambut dalam keadaan paling tebal dan mengandungi melanin yang tinggi. Catagen adalah fasa perantara manakala Telogen pula adalah fasa tua/rehat.

Perubahan antara fasa pertumbuhan bulu adalah di antara satu dan tiga bulan bergantung kepada kawasan bulu itu tumbuh.

Kaedah hilangkan rambut/bulu sementara

1. Bercukur : Ia bersifat sementara. Bercukur tidak menyebabkan rambut tumbuh lagi tebal, cepat atau banyak. Ia hanya memotong bulu di bahagian atas kulit. Pangkal rambut yang lebih tebal bila memanjang menyebabkan bulu atau rambut yang tumbuh selepas dicukur kelihatan lebih tebal.

2. Mencabut bulu : Agak menyakitkan tetapi kesannya lebih lama berbanding bercukur. Namun begitu bulu tetap akan tumbuh semula.

3. Melilin : Lilin yang panas dituang pada kulit. Apabila sejuk rambut akan melekat pada lilin dan ditarik keluar daripada kulit. Selain itu kaedah ini juga menggunakan gula seakan-akan karamel yang panas dituang di atas kulit. Caranya sama cuma apabila selesai, proses mencuci sugar wax lebih mudah berbanding kaedah tradisional.

4. Depilatories

Bahan kimia yang digunakan adalah thioglycolate dicampur dengan sodium hydroxide atau calcium hydroxide. Ia secara langsung 'mencairkan' rambut . Masalah utama adalah kesan sampingannya kerana bahan kimia ini boleh 'mencairkan' sel kulit juga.

Kaedah kekal

1. Elektrolisis

Menggunakan jarum halus untuk mengalirkan elektrik terus ke folikel rambut. Secara teorinya, kesan elektrik ini membakar folikel rambut. Elektrolisis adalah salah satu cara untuk membuang rambut secara kekal. Namun begitu, masa yang diambil untuk prosedur ini adalah lama, sakit dan memerlukan seorang yang mahir untuk melakukannya.

Prosedur ini perlu dilakukan setiap 12 ke 18 bulan. Kesan sampingan adalah pembentukan keloid, hyperpigmentation dan hypopigmentation.

2. Laser

Rawatan laser adalah yang terbaik dan paling berkesan. Jenis-jenis laser yang digunakan untuk membuang bulu adalah Ruby, Alexandrite, Diode dan Long Pulse Nd:YAG. Konsep membuang bulu menggunakan laser adalah mudah. Secara saintifiknya, ia berkonsepkan selektif photo termolysis. Menerusi kaedah ini akar rambut dimusnahkan secara selektif oleh haba. Sebenarnya laser akan diserap oleh pigmen pada akar bulu tersebut. Laser yang diserap akan bertukar menjadi haba dan terus membunuh akar rambut. Ini akan menyebabkan bulu kekal mati. Untuk kulit orang Asia, laser yang sesuai adalah jenis Diode dan Long Pulse Nd:YAG.

Oleh kerana laser diserap oleh pigmen akar bulu, ia sangat berkesan pada bulu yang mengalami fasa Anagen atau fasa pertumbuhan aktif. Pada fasa ini bulu roma adalah tebal maka penyerapan laser paling tinggi dan

bertindak paling berkesan untuk mematikan akar bulu roma. Bulu yang tumbuh pada fasa Telogen atau Catagen tidak menyerap laser dengan baik. Kandungan melaninnya yang rendah maka ia tidak mati. Oleh itu laser perlu dibuat beberapa sesi selang 6 hingga 12 minggu. Ini bertujuan membolehkan bulu roma di fasa Telogen dan Catagen menjadi fasa Anagen. Diode laser sangat berkesan untuk orang yang berkulit cerah mana kala mereka yang berkulit gelap, rawatan yang terbaik adalah dengan menggunakan laser Long Pulse Nd:YAG.

Di klinik Marissa Esthetic saya menggunakan sistem soprano iaitu diode laser keluaran Alma Laser yang merupakan syarikat pengeluar laser terunggul dalam dunia perubatan. Ia begitu hebat dan sesuai bagi kulit orang Asia serta mampu menghapuskan bulu roma dengan berkesan.

"Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel"



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Selangor : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949*Kelantan : 017-3581610